

**KENYATAAN SEBUT HARGA  
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>PERDA/BHT/S/19/2025</b>
(ii)	<b>TAJUK SEBUTHARGA</b>	<b>KERJA-KERJA NAIK TARAF PENDAWAIAN DAN KELENGKAPAN PENYAMAN UDARA DI BANGUNAN BENGKEL TEKNOLOGI PEMBUATAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH), BUKIT PANCHOR, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.</b>
(iii)	<b>KELAYAKAN</b>	<b>Gred G1 : Kategori ME:- Pengkhususan M01 (Daerah Seberang Perai Selatan sahaja) ATAU Gred G2 : Kategori ME:- Pengkhususan M01 (Keseluruhan Negeri Pulau Pinang)</b>
(iv)	<b>TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA</b>	<b>24 Jun 2025 (Selasa) Jam 11.30 pagi</b>
(v)	<b>TARIKH &amp; MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA</b>	<b>26 Jun 2025 (Khamis, 10.00 pagi) hingga 2 Julai 2025 (Rabu, 5.00 petang)</b>
(vi)	<b>TARIKH TUTUP SEBUTHARGA</b>	<b>8 Julai 2025 (Selasa) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</b>

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Bangunan Bengkel Teknologi Pembuatan PERDA-TECH** pada **24 Jun 2025 (Selasa), jam 11.30 pagi** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih **sah**. Hanya **Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja** yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa **lawatan tapak ini**. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) bermula dari tarikh **26 Jun 2025 (Khamis, jam 10.00 pagi)** hingga **2 Julai 2025 (Rabu, jam 5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **8 Julai 2025 (Selasa) jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.